

21 SEP 2001

Myanmar-Lawatan

PERDANA MENTERI MYANMAR LAWAT MALAYSIA MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Myanmar Jeneral Kanan Than Shwe akan tiba di sini pada Selasa untuk lawatan tiga hari.

Ini merupakan lawatan kedua Than Shwe ke Malaysia. Kali pertama ialah pada 1996 dan semasa lawatan itu, perjanjian mengenai kerjasama ekonomi, saintifik dan teknikal antara kedua-dua negara ditandatangani.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat Myanmar pada awal Januari lepas dan semasa lawatan, syarikat-syarikat Malaysia dipelawa melabur di negara itu terutama dalam pemprosesan bahan mentah dan mengimport barangan Myanmar.

Menurut jadual lawatan Than Shwe yang dikeluarkan oleh Wisma Putra hari ini, beliau dijadual menemui Dr Mahathir di Putrajaya pada Selasa. Kedua-dua pemimpin dijangka membincangkan isu-isu dua hala dan isu serantau yang menyentuh kepentingan bersama.

Ini akan disusuli dengan mesyuarat delegasi dan pemetaraan perjanjian dua hala antara Malaysia dan Myanmar.

Than Shwe, yang juga pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara Myanmar dan delegasi dijadual diraikan pada majlis jamuan malam yang diadakan oleh Dr Mahathir.

Delegasi dari Myanmar itu akan melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia dan Menara Berkembar Petronas pada Rabu sebelum berlepas ke Langkawi. Mereka akan berlepas pulang dari pulau itu pada Khamis.

Myanmar, meliputi 676,577 km persegi ialah negara terbesar di tanah besar Asia Tenggara daripada segi keluasan tanah. Negara itu mempunyai sempadan bersama dengan Bangladesh, India, China, Laos dan Thailand.

Myanmar menyertai Asean pada 1997.

Myanmar dengan penduduk berjumlah 50 juta mempunyai tenaga pekerja yang banyak dan sumber semulajadi yang belum diterokai.

Malaysia ialah pelabur yang keenam terbesar di Myanmar dengan syarikat-syarikatnya terbabit secara aktif dalam 12 projek dan mempunyai pelaburan berjumlah RM1.248 bilion.

Bidang pelaburan termasuk pembuatan perabot dan pengeluaran pakaian, mainan produk makanan, minyak dan gas, hotel, pelancongan dan pembangunan hartanah.

Menurut statistik, jumlah perdagangan antara Malaysia dan Myanmar tahun lepas ialah hingga RM1.142 bilion berbanding RM1.107 bilion pada 1999.

Eksport utama Malaysia ke Myanmar termasuk petroleum mentah, minyak sayuran, margarin, plastik dan produk kaca sementara import dari Myanmar ialah hasil pertanian.

Malaysia telah dilantik oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Kofi Annan untuk cuba menyelesaikan konflik di Myanmar antara kerajaan dan pemimpin Liga Kebangsaan bagi Demokrasi Aung San Suu Kyi.

Tan Sri Razali Ismail, bekas Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sekarang ialah Wakil Khas PBB ke Myanmar.

-- BERNAMA

HS AFY FAZ